



# BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA

2018-2022



## PERBADANAN PUTRAJAYA

Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 PUTRAJAYA, Malaysia.

Telefon : +603 - 8000 8000  
Faks : +603 - 8887 5000

©PERBADANAN PUTRAJAYA Hak Cipta Terpelihara 2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

# BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA

## Kandungan

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| PERUTUSAN DAN KATA ALUAN      | 02 |
| MENTERI WILAYAH               |    |
| KETUA SETIAUSAHA,             |    |
| KEMENTERIAN WILAYAH           | 03 |
| PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA | 04 |
| NAIB CANSELOR UKM             | 05 |
| <hr/>                         |    |
| VISI                          | 06 |
| <hr/>                         |    |
| MISI                          | 06 |
| <hr/>                         |    |
| SLOGAN                        | 07 |

## BAB SATU PENDAHULUAN

08

## BAB DUA KONSEP MASYARAKAT SEJAHTERA

16

## BAB TIGA TERAS BLUEPRINT DAN PELAN TINDAKAN

20

## BAB EMPAT

PELAKSANAAN  
DAN PEMANTAUAN

54

RUJUKAN  
LAMPIRAN

59

60



# PERUTUSAN MENTERI WILAYAH

YB TUAN HAJI KHALID ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH



Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya, maka Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya ini dapat disediakan sebagai panduan kepada pembentukan Masyarakat Putrajaya yang mengamalkan nilai-nilai murni yang menjurus ke arah masyarakat berkhemah, berbudi pekerti dan hidup penuh sejahtera.

“

Kita yakin Putrajaya bakal menjadi kebanggaan Malaysia di serata dunia bahawa Islam penuh dengan keindahan dan ketamadunan.

Penerbitan Blueprint merupakan satu lagi kejayaan bagi PPj sejarar dengan keperluan dan cabaran pembangunan semasa masyarakat Putrajaya yang bilangan penduduknya kian meningkat. Ini adalah merupakan usaha yang baik bagi membentuk satu masyarakat berkualiti seiring dengan perancangan bandarnya yang indah lagi teratur, serta setara dengan fungsinya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia. Bagi merealisasikan hasrat Blueprint ini, PPj sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan, memerlukan sokongan dan kerjasama strategik dari kementerian, jabatan dan agensi kerajaan lain bagi menjalankan program dari pelbagai aspek seperti pendidikan, keagamaan, dan kemasyarakatan.

Kita yakin Putrajaya bakal menjadi kebanggaan Malaysia di serata dunia bahawa Islam penuh dengan keindahan dan ketamadunan. Semoga Putrajaya akan menjadi model kediaman rakyat pelbagai bangsa yang hidup penuh harmoni di Malaysia dan luar negara. Justeru itu, saya amat mengharapkan kesefahaman dan sokongan dari semua pihak dalam memartabatkan masyarakat sejahtera ke arah pemantapan gaya hidup bermasyarakat yang seimbang fizikal dan spiritual dalam usaha menjadikan Wilayah Maju dan Sejahtera, InsyaAllah.

# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN WILAYAH

YBHG DATUK SERI ADNAN  
BIN HJ MD IKSHAN  
**KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN WILAYAH**

**Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh**

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya dapat disediakan oleh PPj sebagai salah satu usaha Pihak Berkuasa Tempatan memastikan tanggungjawab ke arah kesejahteraan kehidupan Masyarakat Putrajaya berteraskan pembentukan kerohanian dalam masyarakat setempat.

Kemakmuran sesebuah kawasan atau tempat tidak boleh diukur berdasarkan ekonomi atau pembangunan fizikal semata-mata, malah ia perlu mengambil kira kesejahteraan dan pembangunan modal insan yang berkualiti. Menyedari hakikat itu, PPj dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerbitkan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya sebagai panduan untuk

“

SEMOGA PENGAMALAN NILAI-NILAI MURNI DALAM MASYARAKAT SEJAHTERA MENJADI BUDAYA BAGI SEGENAP GENERASI SEKALIGUS MENJADI TUNJANG UNTUK KE ARAH KEHIDUPAN YANG SEJAHTERA DI PUTRAJAYA.

mempertingkatkan nilai-nilai murni Masyarakat Putrajaya dari pelbagai aspek kehidupannya. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PPj dan UKM atas usaha sama dalam menerbitkan Blueprint ini. Namun, apa yang lebih penting ialah pelaksanaannya secara berkesan diikuti pemantauan berterusan bagi menghasilkan impak yang dihasratkan. Semoga pengamalan nilai-nilai murni dalam Masyarakat sejahtera menjadi budaya bagi segenap generasi sekaligus menjadi tunjang ke arah kehidupan yang Sejahtera di Putrajaya.



# KATA ALUAN PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

**DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL  
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh*

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya juga, Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya telah dapat disediakan hasil jalinan kerjasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Perbadanan Putrajaya (PPJ). Syukur juga kerana kajian ini telah dibentang ke Mesyuarat Jemaah Menteri BiLN60/2018 dan diambil maklum serta dipersetujui penyediaannya oleh Jemaah Menteri.

Matlamat Blueprint Masyarakat Sejahtera adalah untuk dijadikan panduan kepada komuniti Putrajaya, iaitu ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang berhemah dan beradab serta sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari. Ini selari dengan visi PPJ sebagai meneraju perancangan, pembangunan, kemakmuran dan perkhidmatan perbandaran demi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran di Putrajaya melalui tadbir urus cekap dan berkesan.


Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya adalah merupakan panduan yang jelas dengan mengambil kira



semua aspek kehidupan bermasyarakat bagi menjamin keseimbangan rohani dan fizikal seiring dengan pesatnya pertambahan penduduk di Putrajaya. Tidak dapat dinafikan usaha dalam membentuk dan mengamalkan nilai-nilai murni bukan mudah, justeru usaha ini perlu dilaksanakan secara bersama dan amat bergantung kepada sokongan sumber dan tenaga dari Kementerian, agensi-agensi yang terlibat, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya, persatuan penduduk, badan-badan bukan kerajaan dan yang paling penting warga Putrajaya sendiri.

Adalah menjadi harapan saya, Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya yang diterbitkan ini, dapat memberi panduan dan impak yang positif kepada masyarakat Putrajaya ini. Saya amat berharap amalan nilai-nilai murni akan menjadi pedoman di sanubari bagi segenap lapisan masyarakat serta sekaligus dapat mempengaruhi masyarakat luar yang berkunjung untuk mematuhi amalan-amalan murni di Putrajaya.

Marilah kita bersama-sama berusaha dan berdoa supaya matlamat untuk mensejahterakan Putrajaya dapat direalisasikan dengan jayanya.



**SAYA AMAT BERHARAP  
AMALAN NILAI-NILAI  
MURNI AKAN MENJADI  
PEDOMAN DI SANUBARI  
BAGI SEGENAP LAPISEN  
MASYARAKAT SERTA  
DAPAT MEMPENGARUHI  
MASYARAKAT LUAR  
MEMATUHI AMALAN-  
AMALAN MURNI  
DI PUTRAJAYA.**



PROF. TAN SRI DATO' SERI  
DR. NOOR AZLAN BIN GHAZALI  
NAIB CANSELOR UKM



## KATA ALUAN NAIB CANSELOR UKM

Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya adalah pelan strategik yang dirangka bagi melahirkan masyarakat yang mempraktikkan nilai-nilai peradaban yang tinggi untuk mencapai kebahagiaan hakiki secara fizikal dan spiritual dalam sebuah masyarakat yang hebat, moden dan sejahtera.

Masyarakat sejahtera yang dihasratkan ini turut mempunyai nilai integrasi antara kesepadan ilmu, iman dan amal serta mempunyai komitmen dan rasa tanggungjawab yang tinggi untuk berfungsi secara optimum dalam merealisasikan perancangan dan pembangunan yang menitikberatkan aspek hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam, selaras dengan maqasid syariah dan tuntutan gaya hidup wasatiyyah.

“

... MEREALISASIKAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN YANG MENITIKBERATKAN ASPEK HUBUNGAN ANTARA MANUSIA DENGAN TUHAN, MANUSIA DENGAN MANUSIA DAN MANUSIA DENGAN ALAM, SELARAS DENGAN MAQASID SYARIAH DAN TUNTUTAN GAYA HIDUP WASATIYYAH.

Kerjasama padu daripada semua pihak dalam merealisasikan blueprint ini adalah amat diharapkan dan diberi perhatian sewajarnya selaras dengan peranan masing-masing sebagai pemacu dalam menggerakkan perancangan dalam kesemua dimensi yang ditetapkan iaitu agama, sosial, pendidikan, ekonomi, governans dan infrastruktur fizikal di Putrajaya. Saya berharap semoga semua perancangan blueprint dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi menjadikan Putrajaya ini sebagai sebuah bandar yang boleh dicontohi di persada dunia dan antarabangsa.

# VISI

MELESTARIKAN MASYARAKAT  
SEJAHTERA PUTRAJAYA

# MISI

MEREALISASIKAN PERANCANGAN,  
PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN  
KE ARAH KESEIMBANGAN HUBUNGAN  
MANUSIA DENGAN TUHAN, MANUSIA  
DENGAN MANUSIA DAN MANUSIA  
DENGAN ALAM UNTUK MENCAPAI  
MASYARAKAT SEJAHTERA





## OBJEKTIF

- 1 MENGAMALKAN KONSEP DAN CIRI-CIRI MASYARAKAT SEJAHTERA**
- 2 MENANGANI CABARAN SECARA TUNTAS DALAM MERELALISASIKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA**
- 3 MELAKSANA STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN PEMBINAAN MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA**

## 6 TERAS

- |              |                         |
|--------------|-------------------------|
| ● Agama      | ● Ekonomi               |
| ● Sosial     | ● Governans             |
| ● Pendidikan | ● Infrastruktur Fizikal |

## 26 INISIATIF

- Fungsi dan peranan masjid sebagai pusat sejahtera
- Pengurusan ceramah dan dakwah
- Amalan berjemaah
- Dasar hiburan Islam
- Pemupukan rasa kebersamaan dan kejelekitan
- Kolektivisme
- Institusi keluargaan
- Keselamatan & kesihatan
- Pendidikan pra sekolah / tadika
- Sekolah
- Institusi pengajian Tinggi Awam
- Pendidikan non-formal
- PIBG
- Pelancongan
- Demokrasi ekonomi
- Wakaf
- Tadbir urus Islam
- Interaksi pemimpin & masyarakat
- Media Sosial
- Unit nilai-nilai murni (pelaksanaan & penyampaian masyarakat sejahtera)
- Menilai dan menambahbaik infrastruktur sedia ada
- Mewujudkan muzium dan City gallery
- Kesedaran alam sekitar
- Rumah mampu milik
- Keselamatan
- Masyarakat majmuk yang muhibah

►  
BAB  
SATU

# PENDAHULUAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّاً فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا  
مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بُلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu; dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan, dan di sebelah kiri (lalu dikatakan kepada mereka "makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah)

Tuhan yang Maha Pengampun

(Surah al-Saba' 34 : 15).

## PENGENALAN

Pembangunan sesebuah negeri, apatah lagi sebuah bandar yang terancang, sewajarnya bukan sahaja menitikberatkan aspek keindahan fizikal seperti bangunan yang tersergam indah dan landskap yang menarik. Untuk menjadi sesebuah tempat yang baik, iaitu aman, makmur dan sejahtera, wajarlah pada masa yang sama turut diteliti aspek pembangunan modal insan, khususnya pembangunan spiritual dalam kalangan warganya. Modal insan yang dididik dengan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat tentunya dapat menjadi aset berharga yang mampu mengekalkan keindahan bandar dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Menyedari keperluan memfokuskan juga kepada aspek

pembangunan spiritual warga Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menghasilkan **Pelan Tindakan Pembudayaan Nilai-Nilai Murni Putrajaya 2011-2015** sebagai panduan untuk pembangunan komuniti yang berakhlik mulia. Selain itu, PPj turut merangka Pelan Strategik PPj 2016-2020 dengan visi "Ke arah Putrajaya Mampan 2020" dan Misi "menerajui perancangan pembangunan dan perkhidmatan perbandaran untuk kesejahteraan Putrajaya melalui tadbir urus cekap dan berkesan".

Realitinya, PPj terus berusaha melestarikan kesejahteraan warganya. Sehubungan itu, lahirlah satu hasrat membina pelan tindakan yang lebih bersepadan, merangkumi pelbagai aspek kehidupan bagi melestarikan pembangunan

holistik di Putrajaya. Justeru itu, PPj dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangka suatu pelan tindakan baharu menerusi penyelidikan "**Pembinaan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya**".

Pada asasnya penyelidikan ini menitikberatkan pembangunan insan dan bandar yang merangkumi enam aspek utama iaitu aspek agama, sosial, pendidikan, ekonomi, governans dan infrastruktur fizikal. Kesemua aspek tersebut perlu saling berkait dan saling menyokong dalam merealisasikan kesejahteraan fizikal dan spiritual di Putrajaya. Pembinaan Blueprint ini berusaha melahirkan insan yang mempunyai cara hidup yang beradab dan berbudi pekerti mulia, serta berpegang kepada **konsep Wasatiyyah dan prinsip Maqasid Syariah**.

Matlamat akhir pembinaan blueprint ini adalah bagi mencapai kebahagiaan yang terhasil daripada kesejahteraan hidup dalam masyarakat yang maju dan moden, tetapi pada masa yang sama, kukuh nilai agama, penuh beradab dan berbudi pekerti tinggi serta memelihara hubungannya dengan Tuhan, hubungan sesama manusia dan hubungannya dengan alam ciptaan Tuhan.



## ISU DAN CABARAN SEMASA

Hakikatnya cetusan idea dan hasrat membina Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya adalah berlandaskan kepada beberapa realiti dalam bentuk isu dan cabaran yang berlaku di Putrajaya. Antaranya ialah keperluan mempertingkatkan dimensi tertentu seperti diterangkan berikut.

### KEPERLUAN MEMUPUK NILAI-NILAI MURNI BERMASYARAKAT

Sejarah membuktikan bahawa masyarakat yang diasaskan oleh Baginda Rasulullah S.A.W memiliki nilai keutuhan yang tinggi dalam semangat persaudaraan. Mereka juga sentiasa dipupuk meningkatkan keilmuan, akhlak dan ketaqwaan menerusi pendidikan secara langsung dan tidak langsung daripada Rasulullah S.A.W sendiri. Hasrat mencontohi masyarakat Madinah ini hakikatnya belum terlaksana di Putrajaya. Perasaan kesepuhyaan (*sense of belonging*) terhadap Putrajaya masih sangat lemah dan tidak memberangsangkan. Warga Putrajaya masih gagal merasakan Putrajaya sebagai tempat hakiki kehidupan mereka. Mereka kebanyakannya menganggap Putrajaya hanya sebagai tempat mencari rezeki kerana berkhidmat sebagai kakitangan awam Kerajaan. Sampai masanya nanti mereka akan pulang ke kampung halaman masing-masing apabila berpencen dan meninggalkan Putrajaya untuk didiami oleh generasi seterusnya. Cara berfikir begini menjadi sebab utama mengapa perasaan *sense of belonging* tidak wujud dalam hati warga Putrajaya. Jika perasaan *sense of belonging* ini tidak wujud, tentulah semangat untuk menjaga kelestarian Putrajaya juga tidak menjadi agenda bersepadan dalam kalangan warganya.

Selain itu, nilai murni bermasyarakat yang menitikberatkan semangat **kolektivisme** atau kerja berpasukan juga masih longgar dalam kalangan warga Putrajaya. Sebagai contohnya, amalan gotong royong yang dilaksanakan mengikut zon kelihatannya kurang mendapat sambutan. Program ini hanya dihadiri oleh mereka-mereka yang sama iaitu individu yang memegang tumpuk kepimpinan di kawasan tersebut dan ahli surau yang aktif. Ke mana perginya warga yang lain? Adakah mereka terlalu sibuk mencari rezeki dan bersikap **individualistik** sehingga mengabaikan hak kejiranan dan tatacara kehidupan bermasyarakat?

### KEPERLUAN MEMAKMURKAN MASJID DAN SURAU

Putrajaya pada masa kini mempunyai dua masjid yang besar dan tersergam indah iaitu Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di samping mempunyai banyak

surau yang dibangunkan mengikut zon kediaman. Bagi membina sebuah masyarakat yang sejahtera, masjid dan surau sepatutnya berperanan secara *fully-utilized* untuk membangunkan masyarakat menerusi pelbagai aktiviti seperti *smart solat*, bacaan al-Quran, ceramah dan aktiviti kebajikan lain. Hakikatnya masjid dan surau adalah medan terbaik bagi menyalurkan kefahaman masyarakat mengenai pembangunan yang seimbang dari segi fizikal dan spiritual.

Meskipun pada dasarnya masjid dan surau tidak pernah berhenti menjalankan aktivitiannya bagi menyebarkan dakwah dan ajaran Islam, namun masalahnya masjid dan surau ini hanya menjadi ruang *third place* bagi individu-individu tertentu sahaja. Aktiviti yang diatur begitu banyak masih agak dipandang sepi oleh sebahagian besar masyarakat setempat. Mengapakah perkara ini berlaku? Adakah disebabkan kesibukan mengejar keduniaan atau kerana tiada daya tarikan untuk menyertai aktiviti mengimarahkan masjid?



## SISTEM PENDIDIKAN YANG DAPAT MEMBENTUK NILAI MURNI

Amalan nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, menepati masa, saling membantu dan sebagainya dalam kalangan warga Putrajaya secara umumnya masih belum terlaksana dengan baik di Putrajaya. Masyarakat didapati masih belum berjaya mendisiplinkan diri menjaga kebersihan terutama di tempat-tempat pembuangan sampah. Masalah vandalisme juga berlaku kerana kurangnya perasaan *sense of belonging* dan sayang kepada putrajaya. Kesedaran sivik juga masih lemah dan perlu dipertingkatkan. Ketertiban dan disiplin warga perlu dipupuk semenjak di tadika lagi. Justeru itu, institusi pendidikan dilihat sebagai ruang terbaik bagi meningkatkan amalan nilai murni dan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat kerana sekolah merupakan wadah mendidik warga daripada awal usia sehingga

remaja. Sistem pendidikan sewajarnya bukan sahaja bertujuan mencapai kecemerlangan akademik, tetapi dalam masa yang sama berjaya memenuhi keperluan kemenjadian pelajar yang mempunyai sahsiah yang baik.

## KEPERLUAN MEMANTAPKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

Peranan keluarga adalah faktor paling asas dalam proses pembentukan sesebuah masyarakat. Justeru, institusi kekeluargaan di Putrajaya perlu diperkasakan lagi ke arah mencapai masyarakat yang sejahtera. Isu-isu berkaitan keluarga dan masalah sosial sudah mula berlaku di Putrajaya seperti pengabaian anak-anak akibat ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja, terlalu mengejar kemewahan, perceraian, masalah komunikasi, masalah ekonomi, kekurangan ilmu agama dan sebagainya. Perkara ini perlu

diatasi segera kerana usaha mewujudkan masyarakat sejahtera adalah bermula daripada didikan ibu bapa di rumah. Ibu bapa, adik beradik dan keluarga adalah insan yang paling signifikan membentuk pengalaman emosi, fizikal, spiritual dan kognitif anak-anak.

## MENANGANI CABARAN PERTAMBAHAN PENDUDUK

Putrajaya mencatatkan pertumbuhan tertinggi penduduk iaitu 17.8 peratus (2000-2010) ketika negeri-negeri lain hanya mencatatkan kadar pertumbuhan sekitar 2 peratus sahaja. Pada tahun 2017, penduduk Putrajaya telah mencecah bilangan 93,474 orang. Jumlah ini dianggarkan akan terus meningkat kepada 120,000 pada tahun 2020 dan dijangka akan mencapai sasaran 347,700 penduduk pada tahun 2025.





Dalam mendepani pertambahan penduduk, warga Putrajaya terpaksa berkompromi dengan segala macam perubahan yang berlaku. Keperluan terhadap perkhidmatan semakin meningkat manakala tanggungjawab untuk memenuhi segala permintaan banyak bergantung kepada ketersediaan sumber. Pertambahan penduduk juga bermakna saling interaksi yang semakin kompleks dalam lingkungan sosial. Kes-kes seperti kecurian, ugut, cabul dan samun ada juga berlaku meskipun dalam keadaan terkawal dan terpencil.

Selain itu, kepadatan penduduk juga akan memberi kesan kepada kelestarian sumber alam dan kehijauan. Ia juga mempertingkatkan permintaan terhadap kemudahan yang disediakan serta penggunaan ruang seperti tempat parkir kenderaan dan sebagainya yang kini sudahpun mula dirasai impaknya.

## **PEMILIHAN RUANG THIRD PLACE YANG TERBAIK**

Hidup manusia biasanya mempunyai tiga ruang utama iaitu tempat tinggal (rumah), tempat kerja (pejabat/kiland) dan tempat ketiga iaitu tempat yang dikunjungi selain dari rumah dan pejabat. Ruang *third place* adalah seperti tempat makan (café, kedai mamak, dan lain-lain), club house, tempat ibadah (masjid, surau, gereja, kuil dan lain-lain), pusat komuniti, tempat rekreasi, gimnasium dan sebagainya. Bagi membina masyarakat yang sejahtera, warga Putrajaya perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dan bijaksana dalam memilih ruang *third place* yang bermanfaat kepada kehidupan mereka, bukannya ruang *third place* yang boleh membawa kepada kerosakan masa depan dan kebahagiaan.



Bertitik tolak daripada semua kenyataan dan permasalahan yang wujud di Putrajaya seperti disebut di atas telah mendorong PPj membangunkan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya. Putrajaya diharapkan pada suatu masa nanti dapat menjadi bandar contoh yang memiliki warga yang terdidik dengan semangat bekerjasama, berdisiplin, pembersih, peramah, bersopan santun, bukan sahaja beradab dan berakhhlak tinggi malah juga saling hormat menghormati dan lain-lain nilai peradaban yang tinggi bagi melayakkan Putrajaya menjadi bandar contoh di dunia dan memiliki sebuah kehidupan yang sejahtera dan bahagia.

## **HASRAT KOMUNITI PUTRAJAYA**

### **KAJI SELIDIK MASYARAKAT**

Komuniti Putrajaya adalah pelanggan utama bagi apa juar program yang diatur oleh PPj. Dalam konteks penyediaan Blueprint ini, mereka secara individu maupun dalam persatuan ataupun organisasi, merupakan golongan sasaran (*target group*) dan bakal penerima *outcome* serta manfaat yang dihasratkan.

Justeru, pandangan dan hasrat komuniti Putrajaya sangat penting untuk diambil kira. Selain dari sesi-sesi libat urus (*engagement*) seperti digariskan di Bab 3 nanti, suatu survey yang berkaitan dengan pandangan komuniti terhadap Putrajaya telahpun dijalankan. Edaran soal selidik telah dibuat kepada 1000 responden dan hasilnya telah dianalisis. Senarai taburan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden boleh dilihat di Lampiran 1.

## HASIL KAJI SELIDIK: HASRAT DAN PANDANGAN KOMUNITI

Hasil kajiselidik telah mengukuhkan dan memenuhi jangkauan awal bagi memperlihatkan kesediaan komuniti Putrajaya untuk bersama dalam pembinaan Blueprint Masyarakat Sejahtera. Umumnya, hasrat komuniti Putrajaya mengambil kira keenam-enam aspek yang mendasari pembinaan Blueprint Masyarakat Sejahtera iaitu dimensi agama, sosial, pendidikan, ekonomi, governans dan infrastruktur fizikal (Rajah 1.1). Kesemua dimensi tersebut berada pada tahap yang tinggi.

Hasrat dan pandangan yang positif daripada warga Putrajaya ini mempunyai nilai untuk dipertimbangkan dan direalisasikan dalam Pelan Tindakan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya dan dapat disimpulkan seperti berikut.

### a) AGAMA

Dimensi agama perlu menjadi tonggak dalam perlaksanaan pembinaan masyarakat sejahtera, di mana peranan dan pemerkasaan masjid dan surau harus diberi perhatian. Warga Putrajaya berhasrat supaya fungsi masjid bukan hanya



sebagai tempat untuk mengerjakan ibadah khusus seperti solat tetapi turut merangkumi perkara yang lebih besar. Masjid seharusnya dijadikan sebagai pusat sehenti untuk bertukar fikiran sesama masyarakat. Masjid juga seharusnya mesra Keluarga berfungsi menangani masalah keluarga serta meningkatkan pembangunan kerohanian keluarga, dan mesra. Masyarakat berfungsi meningkatkan nilai-nilai murni masyarakat sejagat.

### B) SOSIAL

Dimensi sosial mendapat nilai purata kedua tertinggi. Komuniti berpandangan bahawa elemen Putrajaya sebagai bandar yang selamat adalah perlu dalam membentuk masyarakat sejahtera.



### C) PENDIDIKAN

Komuniti Putrajaya sedar bahawa tahap pendidikan menjadi pendorong kepada pembinaan masyarakat sejahtera. Justeru, sistem pendidikan yang cemerlang dianggap penting bagi memenuhi keperluan kemenjadian pelajar sebagai tanda aras yang baik ke arah masyarakat sejahtera. Hal ini kerana kemenjadian pelajar bukan hanya dibuktikan melalui pencapaian akademik semata-mata tetapi juga turut mengambil kira nilai etika, moral dan akhlak pelajar.



### E) EKONOMI

Warga Putrajaya juga turut melihat kepentingan aspek ekonomi sebagai jaminan masa hadapan mereka. Mereka berhasrat agar wujud peluang pekerjaan yang banyak di Putrajaya. Dimensi Ekonomi dalam pembinaan Blueprint Masyarakat Sejahtera sememangnya turut mengambil kira dari aspek pengukuhan ekonomi kepada warga setempat.



### F) GOVERNANS

Komuniti Putrajaya bersetuju bahawa Putrajaya memiliki pemimpin yang adil dan saksama. Ini mengukuhkan kejayaan 'program bersama rakyat' yang telah dijalankan. Ini menunjukkan komuniti Putrajaya berpuas hati dengan contoh kepimpinan para pemimpin setempat yang memberikan inspirasi serta sanggup meluangkan masa membimbing dan mendengar masalah serta keperluan rakyat.




### G) INFRASTRUKTUR FIZIKAL

Komuniti Putrajaya menghargai keindahan Putrajaya sebagai 'bandar dalam taman' yang terancang lagi rapi landskapnya. Walau bagaimanapun, seiring dengan kepesatan arus globalisasi dunia serta percambahan maklumat dari aspek '*global village*', komuniti Putrajaya turut berpandangan bahawa aspek kelajuan internet perlu diberi perhatian lanjut.



**RAJAH 1.1: HASRAT DAN PANDANGAN KOMUNITI  
DARI ASPEK ENAM DIMENSI PEMBINAAN MASYARAKAT SEJAHTERA**

**AGAMA**

“

Saya suka peranan masjid dan surau diperkasa

**SOSIAL**

“

Saya suka Putrajaya menjadi bandar selamat

**PENDIDIKAN**

“

Putrajaya ikon pendidikan

**EKONOMI**

“

Saya suka ada peluang pekerjaan yang banyak di Putrajaya

**GOVERNANS**


“

Pemimpin yang adil dan saksama

**FIZIKAL**

“

Saya suka ada internet yang laju di Putrajaya



## BAB DUA

# KONSEP MASYARAKAT SEJAHTERA



## KONSEP MASYARAKAT SEJAHTERA

Sejahtera bermaksud aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara dari kesusahan, gangguan dan sebagainya (Kamus Dewan 1996). Perkataan 'masyarakat' merujuk kepada pinjaman kata dalam Bahasa Arab iaitu *musyarakah* yang terbentuk atas pola kata '*syaraka*' yang memberi makna kerjasama, sumbangan dan penyertaan individu secara positif dalam melakukan sesuatu aktiviti atau menghasilkan produktiviti, bersama individu lain atau kumpulan yang lebih ramai (*Mu'jam al-M'aani al-Jami'*) (2017). Jelasnya makna kata 'masyarakat' menunjukkan beberapa elemen penting iaitu interaksi sosial antara individu dengan individu lain, kewujudan peraturan dan undang-undang, serta objektif yang ingin dicapai.

Pengisian konsep masyarakat sejahtera melibatkan usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan yang aman, damai dan bahagia (Muhammad Fadhil 2003). Kategori kesejahteraan hidup ini terbahagi kepada dua iaitu kualiti hidup objektif dan subjektif. Norizan (2003) menjelaskan bahawa kualiti hidup objektif dikecapi oleh individu yang dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, kesihatan dan pendidikan. Sementara kualiti hidup subjektif memperlihatkan nikmat hidup yang dirasai individu dengan rasa syukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan keluarga yang bahagia. Siti Fatimah (2006) menyimpulkan bahawa kesejahteraan hidup bukan semata-mata diukur dengan perolehan fizikal atau material semata-mata tetapi turut merangkumi aspek bukan material seperti perasaan kasih sayang, kemesraan, keseimbangan alam sekitar, rasa empati antara individu dan hidup berlapang dada.



Secara umumnya masyarakat sejahtera ialah masyarakat yang memiliki ciri-ciri termasuk keamanan, kemakmuran, kesenangan dan ketenteraman, serta terpelihara dari sebarang elemen yang boleh menjelaskan kebahagiaan dan keselamatan hidup. Masyarakat sejahtera ialah masyarakat yang ideal, adil dan makmur serta mendapat keredaan Tuhan. Ringkasnya keselamatan, keamanan, ketenteraman, kedamaian, keselesaan, keharmonian, kasih sayang, keadilan dan kebahagiaan merupakan isu yang sangat diberi perhatian oleh Islam justeru sarjana Muslim menyenaraikannya sebagai *maqasid syariah*.

Justeru itu, kesejahteraan yang benar-benar holistik merangkumi kepercayaan, wawasan dan amalan untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hakiki yang kekal abadi. Ringkasnya masyarakat sejahtera mempunyai ciri-ciri kesejahteraan kehidupan yang merangkumi beberapa aspek berikut:

### a) ASPEK KEROHANIAN

Masyarakat sejahtera ialah masyarakat yang baik serta mengikuti amalan hidup dan akhlak Rasulullah SAW, berintegriti, percaya kepada Tuhan, mempunyai sifat-sifat peri kemanusiaan (Nordin (2017), di samping mempunyai nilai-nilai masyarakat yang beragama, beradab dan insan yang soleh (Halim Tamuri 2017). Ciri-ciri ini adalah selari dengan masyarakat madani pada zaman Rasulullah SAW yang termaktub pada Fasal 36 dalam Piagam Madinah tentang kemajuan Islam, hak asasi masyarakat antara orang Islam dan bukan Islam, maju dalam pemikiran, mempunyai kefahaman sahih tentang Islam, mengimarahkan masjid, mempunyai ciri-ciri masyarakat yang unggul yang mulia serta seimbang antara aspek intelektual, spiritual dan akal (Sharifah Hayati 2017 & Hashim 2017).

Keselamatan, keamanan, ketenteraman, kedamaian, keselesaan, keharmonian, kasih sayang, keadilan dan kebahagiaan berkait rapat dengan kualiti hati insan, akhlak baik sesama manusia dan keeratan



perhubungan kerohanian manusia, pemimpin dan negara dengan Tuhan yang Maha Esa secara menyeluruh dan berterusan. Kesemua ini berkaitan dengan prinsip iman, ibadah, amal soleh, akhlak, takwa dan ihsan. Ini kerana iman dan takwa adalah syarat untuk mendapat keberkatan sebagaimana firman Allah dalam Surah al-A'raf (7) ayat 96 (M. Kamal 2013).

## b) FIZIKAL, KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Masyarakat sejahtera terdiri daripada individu yang memiliki tubuh badan yang sihat, bijak, penyayang, mempunyai emosi baik penyerahan potensi diri, pematuhan kepada perundangan dan peraturan serta mempunyai persekitaran, kemudahan fizikal, keselamatan, kehijauan serta aktiviti rekreasi yang baik (Zainah 2017).



## c) MATERIAL

Corak pasaran dalam konteks masyarakat sejahtera mementingkan keseimbangan ekonomi dan harga barang yang bersifat mesra rakyat (Shamsul Amri 2017). Keperluan material seperti pendapatan, pemilikan rumah, kenderaan dan kemudahan adalah penting bagi melestarikan kesejahteraan manusia.

## d) EMOSI/PSIKOLOGI

Zaitunah (2004) meletakkan keluarga bahagia atau sakinah sebagai asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera, tenang dan damai. Keluarga sakinah pula perlu bercirikan pembinaan insan yang bertakwa. Oleh itu, masyarakat yang sejahtera perlu mengamalkan semangat kebersamaan (Harizah 2017), suka menyumbang duit (Nordin 2017), bertanggungjawab terhadap apa yang dimiliki, menghargai perbandaran (Norzita 2017), masyarakat yang berterima kasih, bersyukur dengan apa yang sedia ada (Omairi 2017), bijak, penyayang, mempunyai emosi baik (Muhyah 2017).

Ciri-ciri kesejahteraan masyarakat dapat dideduksi daripada LPPKN (2011) bahawa kesejahteraan keluarga sebagai keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan. Ia meliputi pelbagai aspek kepuasan dan keselesaan seperti rohani, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian. Kesejahteraan keluarga adalah sinonim dengan kebahagiaan keluarga yang merangkumi fizikal dan kesejahteraan psikologi, kualiti dalam perhubungan dalam kalangan ibu bapa dan kualiti perhubungan



antara ibu bapa dan anak. Berdasarkan Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (2011), domain kesejahteraan keluarga sangat dipengaruhi oleh agama dan kerohanian (domain tertinggi), keterlibatan komuniti, hubungan kekeluargaan, kesihatan dan keselamatan, perumahan dan persekitaran, ekonomi, teknologi komunikasi.



### e) PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Masyarakat sejahtera adalah masyarakat yang berilmu kemahiran bahkan diiringi dengan nilai karakter yang mulia berdasarkan fitrah saling kenal-mengenali di antara satu sama lain, bertolak ansur, adil, bertanggungjawab, hormat menghormati kebudayaan latar belakang kaum, saling memahami, bekerjasama, tidak mengkhianati kaum, bersatu padu dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain (Siva Murugan 2017 & Nordin 2017).

Tuntasnya pembinaan masyarakat sejahtera memerlukan keseimbangan antara nilai luaran dan dalaman, fizikal dan spiritual. Hal ini selaras dengan ciri **wasatiyyah** yang dibawa oleh Islam yang menitik berat pembentukan masyarakat yang utuh, sejahtera, aman, sentosa, serta mengekalkan hak kebebasan tanpa meminggirkan nilai-nilai positif.





►

## BAB TIGA

# TERAS BLUEPRINT DAN PELAN TINDAKAN

## PEMBENTUKAN KAJIAN BLUEPRINT

Langkah dan proses penyelidikan pembentukan Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya adalah seperti di Rajah 3.1. Tiga langkah utama yang dilalui adalah perbincangan pakar melalui *round table discussion*, *focussed group discussion*, dan *survey tinjauan masyarakat*.

### a) ROUND TABLE DISCUSSION

Proses dimulakan dengan mengadakan sesi perbincangan meja bulat atau *Round Table Discussion* (RTD) dalam kalangan pakar yang terpilih seramai 17 orang kesemuanya (Lampiran 2). Hasil RTD ini kemudiannya dianalisis menggunakan Perisian Nvivo. Dari analisis ini, beberapa tema bidang utama dan sub tema telah diperolehi sebagaimana di Rajah 3.2.



**RAJAH 3.1: LANGKAH & PROSES KAJIAN BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA PUTRAJAYA**

RAJAH 3.2: ENAM BIDANG UTAMA





### b) FOCUS GROUP DISCUSSION

Bagi merealisasikan strategi dan pelan tindakan Blueprint ini selari dengan keperluan masyarakat di Putrajaya satu perbincangan kumpulan fokus atau Focus Group Discussion (FGD) dilakukan dalam kalangan pemimpin masyarakat di Putrajaya. Ini diikuti dengan suatu lagi perbincangan FGD bersama dengan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) di Putrajaya (Lampiran 3).

### c) TINJAUAN MASYARAKAT PUTRAJAYA

Dalam membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera, hasrat dan pandangan komuniti setempat menjadi asas yang penting dan perlu diambil perhatian. Justeru, suatu survey Tinjauan Masyarakat Putrajaya berkaitan pandangan komuniti terhadap Putrajaya telah turut dijalankan seperti disentuh di Bab 1. Satu set Borang Soal Selidik telah diedarkan kepada 1000 orang responden yang dipilih secara bertujuan (purposive sampling).

Hasil survey mengesahkan bahawa hasrat penduduk adalah selari dengan apa yang ingin dibangunkan oleh PPj.

## KERANGKA BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA

Gabungan dari penemuan **Analisis Nvivo** ke atas RTD, analisis FGD, dan penemuan hasrat komuniti Putrajaya, maka **6 bidang utama** yang perlu bagi pembentukan sebuah masyarakat yang sejahtera telah muncul jelas seperti di Rajah 3.2. Bidang-bidang utama inilah merupakan **6 Teras Strategik** bagi Blueprint Masyarakat Sejahtera.

Enam (6) Teras Strategik ini dapat dicapai melalui pelaksanaan **26 Inisiatif** seperti diuraikan dalam Kerangka Blueprint di **Rajah 3.3**.

RAJAH 3.3: KERANGKA BLUEPRINT MASYARAKAT SEJAHTERA



## PELAN TINDAKAN

Pelan Tindakan ini memperincikan aktiviti dan program yang perlu dilaksana mengikut setiap **Teras Strategik** dan **Inisiatif** yang telah dikenalpasti. Kejayaan membentuk Masyarakat Sejahtera di Putrajaya bergantung kepada kesungguhan dan istiqamah setiap pemegang taruh atau stakeholders yang ditetapkan sebagai pusat-pusat tanggungjawab.

Pelaksanaan Blueprint ini menekankan kepada **6 Teras Strategik** yang terdiri daripada Agama, Sosial, Pendidikan, Ekonomi, Governans dan Fizikal. Antara keenam-enam Teras tersebut, **Teras Strategik Agama, Sosial** dan **Pendidikan** adalah paling berpotensi membawa impak terus (*direct impact*) kepada matlamat pembinaaan

Masyarakat Sejahtera dengan melahirkan warga yang berakhhlak mulia, beradab dan berbudi pekerti, serta menjaga keharmonian sosial dan mempunyai ilmu pengetahuan yang menggambarkan masyarakat bertamadun yang kesemuanya terfokus bagi mencapai visi melestarikan masyarakat sejahtera Putrajaya.

